

✓

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

SBU342 – Institusi-Institusi Pembangunan Islam

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA** daripada soalan berikut. Jawapan hendaklah TEPAT dan PADAT.
Semua soalan mempunyai pembahagian markah yang sama

1. Senaraikan prinsip-prinsip pembangunan berteraskan Islam. Bincangkan bagaimana prinsip-prinsip ini berfungsi di dalam mana-mana SATU institusi pembangunan berteraskan Islam.

2. Antara khidmat perbankan yang menggunakan sistem faedah dan khidmat perbankan yang menggunakan sistem tanpa faedah, yang manakah menjadi pilihan anda? Berikan alasan dan hujah-hujah konkret terhadap pilihan anda ini.

3. Secara kritis, huraiakan isu-isu yang menjadi kontroversi zakat pendapatan di Malaysia. Berdasarkan hujah dan bukti-bukti konkret, kemukakan pendirian anda tentang isu-isu ini.

4. Adakah model-model pengurusan yang lazim diaplikasi oleh institusi-institusi pembangunan masakini sesuai diaplikasi ke atas pengurusan institusi masjid? Bincangkan alasan-alasan anda secara kritis dengan berdasarkan kepada SATU model pengurusan masakini.

5. Senaraikan pengajaran-pengajaran yang anda dapat daripada lawatan sambil belajar ke Kedah dan Perlis. Hubungkan pengajaran-pengajaran yang anda dapat ini dengan pembangunan institusi-institusi pembangunan Islam.

6. Bincangkan SATU daripada perkara berikut. Hubungkan penghuraian anda dengan institusi pembangunan berteraskan Islam:
 - i- Riba'
 - ii- Amil
 - iii- Faraid